

D.R. 15/91

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1991 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1991. Tajuk ringkas.
dan mula
berkuat-
kuasa.
2. Seksyen 3 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 adalah dipinda— Pindaan
seksyen 3.
Akta 237
 - (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "dua ribu" dalam perenggan (a) subseksyen (1), perkataan-perkataan "satu ratus"; dan
 - (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "tiga ribu" dalam perenggan (b) subseksyen (1), perkataan-perkataan "satu ratus lima puluh".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 3 (1) yang berhubungan dengan saraan Ahli Parlimen. Dengan pindaan ini Ahli Parlimen akan menerima kenaikan sebanyak 5% bagi elaun bulanan mereka mulai dari 1hb Januari 1991. Ahli Dewan Negara sekarang ini akan menerima elaun bulanan sebanyak \$2,100.00 dan ahli Dewan Rakyat akan menerima \$3,150.00.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1668.]